



## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-43

---

**PUTRAJAYA, 11 Disember 2023** - Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-43 (Bil.3/2023) di Dewan Persidangan, Aras 1, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri pada hari ini. Mesyuarat turut dihadiri oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri Ekonomi, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri atau wakilnya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

MPFN Ke-43 memberi penekanan kepada usaha untuk **menarik pelabur yang perlu dipergiat terutama melalui penawaran iklim pelaburan yang lebih komprehensif dan kompetitif**. Bagi mencapai unjuran peningkatan nilai sektor pembuatan yang telah disasarkan oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan – NIMP 2030), ekosistem sektor pembuatan yang berkaitan khususnya perlu dipertingkatkan antaranya melalui **penyediaan kemudahan dan infrastruktur taman perindustrian yang kondusif untuk para pelabur atau pengilang**.

**Penyediaan taman perindustrian yang terancang (*well-planned*) dan terurus (*well-managed*) dengan memberi penekanan kepada elemen ‘environmental, social and governance (ESG)’ dan ‘technology adoption’ akan menarik lebih banyak pelaburan berimpak tinggi.** Penyediaan Taman Perindustrian Terurus (*Managed Industrial Park – MIP*) dengan infrastruktur ESG tersedia (*ESG-ready infrastructure*) ini akan menjadi ‘*game changer*’ kepada penawaran ruang perindustrian di rantau ini. Pelabur dewasa ini juga lebih berminat dengan ketersediaan infrastruktur dan tawaran bantuan

kepakaran yang membolehkan mereka untuk beroperasi dengan kadar segera (menerusi konsep ‘*Plug & Play*’) mengikut kesesuaian pelaburan mereka. Kegagalan Malaysia untuk menawarkan kemudahan tersebut akan menyebabkan pelabur berpindah ke destinasi lain di kawasan serantau.

MPFN Ke-43 telah mempertimbangkan sebanyak lima (5) kertas kerja melibatkan empat (4) kertas persetujuan iaitu kertas cadangan pembangunan projek berkepentingan negara yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Johor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk mendapatkan pertimbangan dan nasihat Majlis serta satu (1) kertas pemakluman mengenai Maklumat Guna Tanah Negara 2022.

Maklumat Guna Tanah Negara diterbitkan dua (2) tahun sekali bagi melaporkan penggunaan tanah semasa serta *trend* perubahan guna tanah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Maklumat Guna Tanah Negara 2022 ini disediakan berdasarkan kepada Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-Plan) yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) bermula tahun 2016.

**Keluasan Semenanjung Malaysia** ialah **13,175,441.40 hektar**. Berikut adalah keluasan guna tanah utama di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022:

Bil	Guna Tanah Utama	Semenanjung Malaysia	
		Keluasan (Hektar)	%
1.	Tepu Bina	1,271,315.45	9.65
2.	Hutan	6,193,682.36	47.01
3.	Pertanian	5,343,164.96	40.55
4.	Badan Air	367,278.63	2.79
<b>KELUASAN</b>		<b>13,175,441.40</b>	<b>100.00</b>

*Trend* perubahan guna tanah **tepu bina** bagi tahun 2018 kepada tahun 2022 di Semenanjung Malaysia menunjukkan berlaku **peningkatan** keluasan sebanyak **2.80% (34,658.39 hektar)**. Peningkatan kawasan tepu bina ini

adalah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara yang membuka kepada permintaan guna tanah komersial dan industri yang menyumbang kepada peluang pekerjaan. Ini dapat dilihat dalam suku tahun keempat tahun 2022, keadaan pasaran pekerjaan bertambah baik. Selain itu, peningkatan guna tanah tenu bina ini juga disebabkan migrasi penduduk ke bandar.

Keluasan guna tanah **pertanian** di **Semenanjung Malaysia** juga telah **meningkat** kepada **0.97% (51,273.31 hektar)**, sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembukaan kawasan pertanian bagi tujuan sumber bekalan makanan di negara ini. Bagi guna **tanah hutan**, berlaku **penurunan** keluasan guna tanah sebanyak **1.48% (92,751.23 hektar)** yang disebabkan oleh perubahan guna tanah daripada hutan kepada aktiviti pertanian dan pembangunan yang lain.

Justeru, pembukaan kawasan hutan untuk aktiviti pembangunan lain perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Ini kerana ekosistem alam sekitar yang terjejas boleh membawa kesan negatif yang besar kepada penduduk setempat seperti kejadian tanah runtuh, banjir dan lain-lain. Bagi guna tanah **badan air** pula berlaku **peningkatan** sebanyak **0.29% (1,063.78 hektar)** disebabkan oleh penyemakan dan penyelarasannya semula keluasan guna tanah badan air.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#UnityInDiversity  
#DemiPertiwi

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [med\\_ia.ukk@kpkt.gov.my](mailto:med_ia.ukk@kpkt.gov.my)

